



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 2/2021

PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKP-B) DI NEGERI KELANTAN BERMULA 13 JANUARI HINGGA 26 JANUARI 2021

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKP-B) di seluruh negeri Kelantan bermula 13 Januari hingga 26 Januari 2021. Pekeliling ini adalah selaras dengan Perutusan Khas Perdana Menteri Malaysia pada 11 Januari 2021.
2. Pengoperasian UMK sepanjang tempoh PKP-B adalah secara penggiliran kerja dan bekerja dari rumah (WFH). Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu menyusun jadual penggiliran kerja bagi semua staf di bawah seliaan masing-masing dengan ketetapan keberadaan staf di pejabat adalah pada kadar maksimum 30% pada satu-satu masa. Walau bagaimanapun, staf yang dikategorikan di bawah perkhidmatan kritikal perlu hadir bertugas seperti biasa mengikut jadual dan arahan yang dikeluarkan oleh Ketua PTj masing-masing. Bagi pelaksanaan WFH, Ketua PTj dan staf boleh merujuk kepada Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (Kemaskini 12 Januari 2021).
3. Pelaksanaan majlis keraian, mesyuarat, seminar, kursus dan persidangan secara bersemuka serta sukan berkumpul adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKP-B.
4. Semua warga UMK dikehendaki mematuhi arahan dan prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Universiti dan Kerajaan serta sentiasa mengamalkan norma baharu. Warga UMK juga perlu sentiasa mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa berkaitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Kesihatan Universiti.
5. Pengurusan UMK juga menyeru semua agar mendoakan keselamatan, perlindungan dan kesihatan warga UMK dalam menghadapi wabak COVID-19 ini.

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 13 Januari 2021.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


RAJA AZLAN BIN RAJA ISMAIL

Timbalan Pendaftar Kanan

b.p Pendaftar

12 JANUARI 2021

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
 - Fail Edaran